

PERATURAN TATATERTIB PELAJAR2

UKM juga terlibat, kata Mahathir

KUALA LUMPUR, Khamis. — Selain Universiti Malaysia, Universiti Kebangsaan juga telah mengadakan peraturan tatatertib pelajar-pelajar, Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamed berkata, Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang sedang membentangkan peraturan tersebut kepada Majlis Universitinya.

7 sekolah

Menjawab soalan Dr. Tan Chee Khoon (Pe-kemas - Kepong), beliau memberitahu peraturan yang sama juga akan diadakan di universiti - universiti yang lain.

Menjawab soalan lain dari Tengku Noor Asiah (BN - Tumpat) Dr. Mahathir memberitahu, hanya tujuh buah sekolah kebangsaan di Kelantan yang dulunya sekolah rakyat masih belum mendapat bangunan asa.

Bagaimanapun projek pembinaan sekolah itu



Dr. Mahathir

telah diluluskan oleh Kementeriaannya.

Rancangan pembinaan itu telah dan akan dimulakan mengikut tahun - tahun satu-satu projek itu diluluskan.

Beliau berkata, pihak JKR tidak dapat menyempurnakan pembinaan dalam tahun projek itu diluluskan kerana dari tarikh projek diluluskan hingga bangunan didirikan, masa yang diperlukan secepatnya ialah 10 tahun.

Cukai jualan 5 peratus tidak akan dihapuskan

KUALA LUMPUR, Khamis. — Datuk Hussein Onn memberitahu Dewan Rakyat petang ini, kerajaan tidak bercadang menghapuskan atau mengurangkan cukai jualan lima peratus yang dikenakan sekarang.

Katanya, cukai tersebut adalah salah satu sumber hasil yang besar kepada kerajaan.

"Oleh kerana kerajaan memerlukan hasil membiayai perbelanjaan yang sering meningkat, kami tidak bercadang menghapuskan atau mengurangkannya," kata beliau ketika menjawab soalan Encik Lee Lam Thye (DAP-Kuala Lumpur Bandar).

Bellau juga memberitahu kerajaan telah mengutip sejumlah \$297.3 juta hasil dari cukai tersebut tahun lalu.